

'Usah selesa sistem sedia ada'

BH- 17/1/2023 m/s: 2

Dari Muka 1

“Tetapi saya sudah beri arahan jelas kalau ada minit daripada Perdana Menteri sendiri pun kalau dianggap melanggar peraturan dan undang-undang, sekurang-kurangnya saya dimaklumkan terlebih dahulu. Apa lagi kalau dalam kalangan pegawai di pejabat saya, pejabat Timbalan Perdana Menteri (dan) pejabat Menteri,” katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana Putra, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Pada masa sama, Anwar berkata, langkah pertama diambilnya apabila menjadi Perdana Menteri ialah mengarahkan semua Menteri melantik Ketua Setiausaha Sulit dan Setiausaha Sulit Kanan dalam kalangan Pegawai Tadbir dan Diplomati (PTD), berbeza dengan amalan sebelum ini.

Beliau berkata, ia supaya akan ada penyelarasan yang baik.

“Tapi saya nak tekankan ia hanya berhasil kalau ada kerjasama penuh daripada rakan (Menteri),” katanya.

Anwar menegaskan negara tidak akan maju sekiranya berlaku kebocoran dan ketirisan yang melampau dalam pentadbiran.

“Macam saya sebut kontrak yang kadang-kadang komisen terlalu tinggi, harga tidak berpatutan, bukan saya menuju kepada sesiapa. Hakikatnya, anda tidak boleh berjaya sebagai sebuah negara kalau kebocoran dan ketirisan itu begitu banyak,” katanya.



Anwar bersama Fadillah serta Mohd Zuki pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

Dalam mesejnya, Perdana Menteri turut mengingatkan Jemaah Menteri dan anggota perkhidmatan awam supaya tidak mengamalkan budaya selesa dengan sistem yang sedia ada, sebaliknya perlu ada keinginan untuk membuat perubahan dalam pentadbiran negara.

Beliau berkata, budaya selesa apabila sudah memegang sebarang jawatan utama, baik sebagai menteri mahupun sebagai pegawai kanan kerajaan perlu diubah.

“Sudah mantap sistem yang sudah bergerak selama puluhan tahun tapi harus ada kesediaan, rendah diri untuk mengakui, ada kekuatannya, tetapi apabila kita

letak tokoh baharu harus ada hasrat untuk membawa perubahan.

“Tidak harus kita benar ada budaya selesa, iaitu *culture of contentment* yang menggigit kita,” katanya.

Perlu akui kelemahan

Beliau berkata, apa yang dipelajari dalam tempoh singkat ini, jika ada pendekatan yang lunak (penyelesaian secara berdiplo-masi) tindakan yang diambil akan mendapat sokongan ramai menteri biarpun mereka datang daripada parti atau gabungan politik berbeza-beza.

Apa yang penting, katanya, semua pemimpin perlu menerima

kekuatan, mengakui kelemahan serta bertekad untuk memastikan politik negara stabil serta negara mempunyai hala tuju yang jelas.

Sementara itu, mengenai pemukiman Jemaah Menteri yang diadakan kelmarin, Anwar berkata ia sudah mula membawa kelainan kerana ia turut mendengar pendapat pegawai tertinggi kerajaan serta bekas pegawai kerajaan yang sudah bersara.

Perdana Menteri berkata, sebahagian besar sesi pemukiman itu membabitkan pendengaran cadangan dan pandangan pegawai kerajaan, termasuk Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mo-

hd Zuki Ali dan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam.

“Sebelum ini, saya tekankan ada keperluan keserasian antara kepemimpinan eksekutif negara dan penjawat awam supaya betul-betul erat,” katanya.

Anwar berkata, Jemaah Menteri juga akan mendengar pandangan dan cadangan daripada Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun dan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Azam Baki.

Katanya, menjadi tekadnya untuk meningkatkan kerjasama dengan semua penjawat awam dalam pengurusan dan pentadbiran negara.